

'Kolam bukan tanggungjawab kami'

MDKL hanya bantu selenggara bersandarkan tanggungjawab sosial, tiada bukti ia diserahkan kepada PBT itu

BANDARSUNGAIEMAS

- Kolam tadahan air sebelah loji kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, Bandar Sungai Emas bukan di bawah penyelenggaraan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) sebaliknya sekadar membantu kerana tanggungjawab sosial dengan kos penyelenggaraan mencecah RM20,000 pada bulan lalu.

Yang Di Pertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya masih tidak menerima sebarang bukti kawasan itu sudah diserahkan kepada MDKL dan kerja pembersihan yang dilakukan sebelum ini juga adalah kerana keprihatinan pihak MDKL terhadap penduduk setempat.

Menurutnya, pihaknya dimaklumkan, Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat sudah meminta bukti penyerahan,



MOHD AZHAR

namun pihaknya mengesahkan masih tiada rekod mengenai status itu dan ia masih dalam tindakan pemaju.

"Bagaimanapun, penduduk perlu faham penyelenggaraan sebelum ini hanyalah tindakan kecemasan sahaja dan semua kolam takungan bukan di bawah tanggungjawab MDKL.

"Kita dah adakan beberapa



Keadaan kolam tadahan air yang perlu diselenggarakan oleh pihak yang bertanggungjawab.

kali perbincangan dengan pihak berkenaan dan kita masih dimaklumkan oleh mereka bahawa ia sudah diserahkan kepada kita. Tapi, sehingga kini masih tiada dokumen mengenai tindakan itu," katanya.

Beliau berkata, kebiasa-

annya apabila sudah diserahkan secara rasmi, urusan berkaitan penyelenggaraan secara berkala adalah di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Jelasnya, hal ini di peringat negeri pun masih tiada

keputusan kukuh berkenaan siapa yang perlu melakukan kerja-kerja penyelenggaraan selepas diserahkan.

"Penduduk perlu faham, keadaan ini melibatkan pelbagai pihak. Kita masih simpati dengan nasib penduduk ber-

depan masalah terdedah kepada bahaya. Namun, MDKL akan berusaha meneliti pihak yang terbabit bagi melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya supaya tidak membebankan rakyat," katanya.

Sementara itu, seorang suri rumah, Rozina Rasul, 53, berkata, walaupun kolam itu sudah dibersihkan, ia seolah-olah tiada susulan penyelenggaraan dilakukan.

"Bukan hanya banyak sampah bertaburan dalam kolam tu, tapi pokok-pokok liar dilihat tumbuh semula. Makcik pasti selepas beberapa bulan keadaan kembali semak jika tak ada pemantauan dilakukan.

"Jangan disebabkan tak tahu siapa yang perlu bertanggungjawab, penduduk yang jadi mangsa dan terdedah kepada bahaya seperti pembiakan Aedes," katanya.